

# Konflik boleh ditangani menerusi bahasa: Dr M

**P**ETALING JAYA: Konflik yang melanda dunia akan dapat diredakan jika penduduknya sedia untuk belajar dan mengetahui bahasa lain supaya mereka dapat saling memahami, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, belajar dan mengetahui bahasa orang lain akan memudahkan penduduk dunia berkomunikasi dan saling memahami, sekali gus mengurangkan kemungkinan berlakunya peperangan dan pembunuhan seperti yang terjadi sekarang.

Dr Mahathir berkata, dunia sekarang semakin tidak bertamadun, hinggakan untuk menyelesaikan masalah di dalam sesebuah negara lain, ada pihak yang memilih jalan penyelesaian dengan cara membunuh orang lain di negara itu.

"Ini bukan cara bertamadun. Cara lebih bertamadun ialah dengan mempelajari bahasa orang lain.

"Bayangkan (Presiden Amerika Syarikat, George W) Bush boleh bercakap dalam bahasa Arab dengan Osama (ben Laden) dan mereka sama-sama menjelaskan mengenai masalah yang mereka hadapi.

"Kedua-dua mereka akhirnya mungkin dapat menyelesaikan masalah dan terus berbual-bual sesama mereka," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Penerokaan Multimedia dalam Pembelajaran Bahasa 2006, anjuran Institut Bahasa Moden dan Komunikasi (IMLC) Universiti Multimedia (MMU) di sini, semalam.

Hadir sama isteri Dr Mahathir yang juga Canselor MMU, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, belajar bahasa lain adalah sangat penting, tambahan pula keadaan menjadi lebih mudah sekarang menerusi pelbagai kaedah teknologi terkini seperti belajar menggunakan perisian tertentu menerusi komputer.

Bekas Perdana Menteri menekankan bahawa mempelajari bahasa selain bahasa ibunda dalam banyak keadaan akan menyumbang kepada dunia yang lebih damai.

Dr Mahathir berkata, kanak-kanak sekarang berpeluang untuk menguasai bahasa lain selain bahasa ibunda mereka, menerusi bahasa percakapan seharian menerusi pergaulan seharian dengan kaum lain.

Berkongsi pandangannya, beliau mengingatkan bahawa kanak-kanak Malaysia umpamanya terdedah kepada bahasa Melayu yang berkecamuk daripada pembantu rumah Indonesia atau bahasa Inggeris rojak daripada pembantu rumah Filipina.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia perlu meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris bagi mengelakkan kita ketinggalan dalam pelbagai bidang ilmu.

Rakyat Malaysia, katanya, mesti menguasai bahasa Inggeris kerana buku mengenai ilmu sains, dan teknologi banyak dikeluarkan dalam bahasa itu.

Jika kita mahu menunggu ia diterjemahkan ke bahasa Melayu, ia akan mengambil masa yang panjang.